



## KENYATAAN MEDIA

### MRT CORP MEMBERI AMARAN KEPADA PENIPUAN PERMINTAAN DERMA

#### *Sumbangan diminta daripada kontraktor Projek MRT oleh pihak tanpa kebenaran*

**Kuala Lumpur, 25 Januari 2018:** Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah mendapati bahawa beberapa syarikat telah diminta oleh individu-individu untuk memberi sumbangan atas nama syarikat MRT Corp.

Menerusi panggilan telefon, individu ini telah mendakwa bahawa sumbangan adalah untuk organisasi bukan kerajaan yang mewakili kakitangan Kerajaan. Malah, individu ini telah beberapa kali memperkenalkan dirinya sebagai ahli-ahli kakitangan kanan MRT Corp.

Individu ini juga telah mengemukakan kepada syarikat-syarikat ini – kebanyakannya kontraktor dan subkontraktor Projek MRT Lembah Klang – surat rasmi yang mengandungi kepala surat organisasi bukan kerajaan tersebut. Surat itu turut mengandungi nombor akaun bank organisasi berkenaan.

MRT Corp ingin menyatakan dengan tegas bahawa ia TIDAK pernah membuat apa-apa persetujuan dengan organisasi bukan kerajaan untuk menjadi benefisiari bagi sebarang kempen derma.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Dato' Najmuddin Abdullah berkata MRT Corp juga tidak memberi kebenaran kepada sesiapa pun untuk mendapatkan derma bagi mana-mana organisasi bagi pihak MRT Corp, termasuk organisasi kebajikan atau pertubuhan amal.

"MRT Corp amat bimbang atas perkembangan ini kerana ia adalah kes serius yang melibatkan penyalahgunaan identiti MRT Corp serta nama pegawai kanan MRT Corp," katanya.

Najmuddin berkata MRT Corp akan membuat laporan polis ke atas kes ini dengan segera dan menggesa semua organisasi yang menerima panggilan telefon daripada individu tersebut untuk turut membuat laporan polis.

"Organisasi-organisasi ini juga harus segera memaklumkan MRT Corp jika mereka menerima panggilan sedemikian," katanya, sambil berkata sebagai amalan yang baik untuk masa depan, syarikat-syarikat ini harus mengesahkan dengan MRT Corp jika mereka menerima permintaan derma atas nama syarikat MRT Corp.

-tamat/-



Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

**Leong Shen-li**                      012-3196602/leong.shen-li@mymrt.com.my

**Amalina Ghazali**                    016-2154055/amalina.ghazali@mymrt.com.my



**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

**Leong Shen-Li**                      012-3196602/leong.shen-li@mymrt.com.my

**Amalina Ghazali**                      016-2154055/amalina.ghazali@mymrt.com.my